

### Mesej Tiga

## **Makna dan Wahi Intrinsik bagi Minyak Urapan Majmuk yang Merupakan Minyak Urap Kudus— Tamsil Penuh untuk Roh Majmuk yang Almuhit bagi Tuhan Tritunggal yang Terproses**

Bacaan Bible: Kel. 30:22-30; 1 Kor. 15:45b; Yoh. 7:37-39; Flp. 1:19

- I. Minyak urap kudus, minyak urapan majmuk daripada minyak zaitun dan empat rempah, “yang disebatikan menurut buatan pembuat minyak wangi”, merupakan tamsil penuh bagi Roh Yesus Kristus; Roh ini ialah Kristus, menerusi kematian dan kebangkitan-Nya, menjadi Roh-beri hayat yang majmuk dan almuhit bagi Tuhan Tritunggal yang terproses—Kel. 30:22-25; 1 Kor. 15:45b; Yoh. 7:37-39; Flp. 1:19:**

- A. Makna-makna bagi ramuan minyak urap majmuk adalah seperti berikut:
1. Mur yang mengalir, sejenis rempah yang digunakan dalam penguburan (Yoh. 19:39), menandakan kematian Kristus yang mestika (Roma 6:3):
    - a. Mur juga digunakan sebagai ubat penghilang kesakitan untuk mengurangkan penderitaan kematian; ketika Tuan Yesus disalibkan, wain yang bercampur mur diberikan kepada-Nya untuk mengurangkan kesakitan-Nya—Mrk. 15:23.
    - b. Mur juga boleh digunakan untuk menyembuhkan tubuh apabila tubuh mengeluarkan rembesan yang tidak betul; dalam kehidupan insani kita, terdapat banyak rembesan yang tidak betul, tetapi kematian Tuan di atas salib telah membereskan masalah ini.
  2. Kulit kayu manis yang wangi menandakan kemanisan dan keberkesaan kematian Kristus—Roma 8:13:
    - a. Kulit kayu manis dapat digunakan untuk merangsang jantung yang lemah.
    - b. Apabila kita mengaplikasikan kematian Tuan dalam Roh itu pada manusia dalaman kita, hati kita akan dirangsang agar menjadi gembira dan riang dalam Tuan—Flp. 4:4; Neh. 8:10.
  3. Jerangau wangi, daripada sejenis gelagah yang bertumbuh ke atas di paya atau tempat berlumpur, menandakan kebangkitan Kristus yang mestika—Ef. 2:6; Kol. 3:1; 1 Ptr. 1:3.
  4. Kayu teja, digunakan pada zaman dahulu untuk menghalau serangga dan ular, menandakan kudrat penghalau bagi kebangkitan Kristus; kayu teja menghalau segala “serangga” jahat, terutamanya ular kuno, iblis itu—Flp. 3:10.
  5. Minyak zaitun yang menjadi dasar bagi minyak urapan majmuk menandakan Roh Tuhan sebagai dasar Roh majmuk—Kej. 1:2.
- B. Memandangkan angka empat menandakan makhluk ciptaan (Yeh. 1:5), manusia ialah kepala makhluk ciptaan (Kej. 1:26), dan angka satu menandakan Tuhan yang unik (Ul. 4:35; 1 Tim. 2:5), maka empat rempah menandakan keinsanan Kristus dalam penciptaan Tuhan, dan satu hin minyak zaitun menandakan Tuhan yang unik berserta kedivinan-Nya; dengan itu, pembauran minyak zaitun dengan empat rempah menandakan penyebatian, pembauran, bagi Tuhan dengan manusia, kedivinan dengan keinsanan, dalam Roh majmuk—Im. 2:4 dan nota kaki 3.
- C. Minyak zaitun dan empat rempah ini semuanya disediakan sama ada menerusi proses pemerahan atau pemotongan, menandakan bahawa Roh Tuhan menjadi Roh Kristus (Roma 8:9) menerusi penderitaan Kristus (Mat. 26:36).
- D. Tambahan pula, sukatan bagi empat rempah, iaitu tiga unit lengkap yang setiap satunya lima ratus syikal, dengan lima ratus syikal di tengah dibahagikan kepada dua bahagian, menandakan Tuhan Tritunggal dalam kebangkitan, dan yang kedua, Anak, “dibahagikan” melalui kematian-Nya di atas salib.

- E. Memandangkan dalam Bible, angka lima ialah angka untuk tanggungjawab (25:2 dan nota kaki 1), lima elemen dalam minyak urapan majmuk dan tiga unit lima ratus syikal bagi empat rempah menandakan Tuhan Tritunggal dalam kebangkitan sebagai kudrat, keupayaan, untuk memikul tanggungjawab.
  - F. Memandangkan angka tiga dan lima berkaitan dengan pembinaan Tuhan (lihat nota kaki 15<sup>2</sup> dalam Kej. 6), angka-angka ini dalam minyak urapan majmuk menandakan bahawa dalam Roh majmuk terdapat elemen untuk pembinaan Tuhan.
  - G. Berdasarkan makna di atas, penyebatian empat rempah dengan minyak zaitun untuk membuat minyak urap, menandakan pembauran elemen-elemen yang disebut di atas dengan Roh Tuhan, menerusi proses inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan Kristus ke syurga untuk menghasilkan Roh majmuk demi pembinaan tempat huni abadi Tuhan.
- II. Minyak urapan majmuk, yakni minyak urap kudus, digunakan untuk mengurapi tabernakal berserta semua perabotnya, mazbah berserta segala alat perkakasnya, bejana pembasuhan dan tapaknya, dan para hentar, untuk menjadikan semua benda ini kudus, diasingkan, dikuduskan kepada Tuhan demi tujuan divin-Nya—Kel. 30:26-30; 1 Ptr. 1:2; 1 Kor. 6:11; Roma 15:16:**
- A. Minyak urapan ini menandakan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi menerusi inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan Kristus untuk menjadi Roh majmuk yang almuhit bagi mencapai umat-Nya yang dipilih dan ditebus dan mengurapi mereka dengan diri-Nya, menjadikan diri-Nya satu dengan mereka dan menjadikan mereka satu dengan-Nya—Yoh. 20:22; 1 Yoh. 2:20, 27; 2 Kor. 1:21; 1 Kor. 6:17.
  - B. Pengurapan sedemikian, yang merupakan pergerakan Roh majmuk dalam kita, diaplikasikan pada kita dan juga menambahkan semua elemen Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi ke dalam diri dalaman kita supaya manusia dalaman kita dapat bertumbuh dalam hayat divin berserta elemen divin dan kita dapat dibaurkan dengan Tuhan menjadi satu—Kol. 2:19.
  - C. Minyak urap kudus adalah semata-mata untuk tujuan mengurapi tempat huni Tuhan dan kehentaran (bd. 1 Ptr. 2:5); oleh itu, hanya orang yang untuk tempat huni Tuhan dan untuk kehentaran yang dapat menikmati Roh majmuk yang almuhit.
- III. Roh Tuhan, ditamsilkan oleh minyak zaitun, bukan lagi sekadar minyak, tetapi kini ialah minyak yang disebatikan dengan ramuan tertentu; berkenaan ini, Yohanes 7:39 berkata, “Tetapi kata-Nya ini berkenaan Roh itu yang sudah hendak diterima oleh mereka yang percaya ke dalam-Nya; sebabnya Roh itu belum lagi, kerana Yesus belum lagi dimuliakan”:**
- A. Ini bermaksud bahawa sebelum pemuliaan Tuan, iaitu kebangkitan-Nya (Luk. 24:26), Roh majmuk belum lagi; selepas kebangkitan Kristus, barulah penyebatian atau pembauran Roh ini dilengkapkan.
  - B. Semasa Roh itu masih ialah Roh Tuhan, Dia hanya mempunyai elemen divin; selepas Dia menjadi Roh Yesus Kristus menerusi inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan Kristus, barulah Roh itu mempunyai elemen divin dan juga elemen insani, berserta segala esens dan realiti inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan Kristus.
  - C. Roh majmuk yang almuhit ini, yang ditamsilkan oleh minyak urap kudus, merupakan perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus, bekalan Tubuh Kristus, yang melaluinya kita dapat berhidupkan Kristus demi pemberesan-Nya dalam Tubuh, menerusi Tubuh, dan untuk Tubuh—Flp. 1:19-21a.
- IV. Sebagai percayawan, kita telah diurapi dengan minyak urapan majmuk, dengan Roh almuhit; Mazmur 133:2 menjelaskan bagaimana minyak urap mengalir dari kepala Harun ke janggutnya, kemudian ke pinggir jubahnya; ini menandakan bahawa seluruh Tubuh diurapi dengan Roh itu:**

- A. Tapak kesatuan ialah Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai minyak urap kudus, Roh majmuk itu, diaplikasikan pada kita—ay. 1-3.
- B. Untuk “dicat” oleh minyak urapan (1 Yoh. 2:20, 27), kita perlu bersatu dengan gereja; dengan demikian, secara spontan kita akan menikmati pengurapan minyak urap berserta segala elemennya; betapa ajaibnya kesatuan yang terhasil daripada aplikasi minyak urapan ini!